

# TANGGUNGJAWAB TERHADAP NEGARA

**K**UALA LUMPUR 16 Ogos – Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan akhbar-akhbar supaya bertanggungjawab terhadap pembangunan negara kerana apabila akhbar atau media massa mempunyai kuasa seperti di negara-negara Barat, ia akan terdedah kepada penyalahgunaan kuasa. Keadaan seperti ini, menurut Perdana Menteri juga berlaku di negara ini, umpamanya dalam usaha menjayakan akhbar, adakalanya laporan-laporan yang menarik walaupun benar boleh memberi kesan negatif kepada pembaca kerana cara pendedahan yang dibuat. Dalam temuramah dengan akhbar 'Merdeka' keluaran terbaru hari ini, beliau berkata

kadangkala ada pemberita yang ingin menarik perhatian kepada dirinya dengan membuat laporan sebagai satu cara untuk menunjukkan kebolehan, yang bukan tertumpu kepada kebenaran.

Tambah Perdana Menteri, perkara sedemikian memang berlaku tetapi bukan melibatkan semua akhbar atau pemberita.

Perdana Menteri memberi contoh, "misalnya dalam ucapan yang dibuat oleh seseorang, penceramah itu mungkin menekankan sesuatu perkara yang pada pandangannya adalah penting.

"Tetapi seringkali kita mendapati pemberita

membuat laporan tentang satu perkara yang terselit di situ yang tidak penting di luar konteks ucapan itu menyebabkan laporan tersebut tidak sama dengan maksud ucapan sebenar."

Perdana Menteri juga berpendapat bahawa dalam keghairahan untuk menjadikan sesuatu laporan lebih sensasi, kadang-kadang benda yang tidak benar juga turut diperkatakan atau sukar ditentukan kebenarannya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, ada kalanya sesuatu laporan pula melibatkan peribadi seseorang yang tidak mampu mempertahankan dirinya kerana tidak mempunyai ruangan khas dalam media-massa.

"Mungkin sesuatu perkara itu tidak dapat di bawa ke mahkamah kerana bukan mudah untuk mendapat sesuatu keputusan di mahkamah tanpa perbelanjaan yang besar, yang meleret-leret dan mungkin membawa bermacam-macam tuduhan lain yang akan didedahkan. Perkara seperti itu, kata Perdana Menteri menakutkan sesiapa yang menjadi sasaran. Katanya, dalam keadaan sedemikian, akhbar dan pemberita berasa seolah-olah boleh membuat apa sahaja dan tidak ada siapa yang boleh melawan. Perasaan seperti ini memang membawa kepada penyalahgunaan kuasa, tambah beliau memberi pandangan.

Menurutnya, pada masa lalu, akhbar-akhbar sering mendedahkan keburukan sehingga sesiapa juga yang datang ke Malaysia akan berpendapat bahawa negara ini penuh dengan segala keburukan, penuh dengan penyamun dan perogol. Datuk Sri Dr. Mahathir juga menarik perhatian kepada trend dan minat para pemberita dan akhbar untuk meniru cara pemberitaan di Barat. Tegasnya, akhbar-akhbar dan para wartawan hendaklah bekerjasama dalam usaha membangunkan negara. Pemberitaan yang tidak tepat dan kabur, katanya, boleh mengelirukan serta memberi kesan buruk terhadap pemikiran para pembaca.

Oleh demikian, beliau menambah, pihak akhbar perlu mempunyai sikap bertanggungjawab dan